

**GAYA KOMUNIKASI GURU BESAR DAN KOMITMEN KERJA GURU
DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH KOTA TINGGI**

ISMAIL BIN ABD KARIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat

Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan

(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

DEDIKASI

*Buat ibubapa tercinta ABD KARIM B RAIS & HASBAH BT RD HJ TAHA,
seluruh ahli keluarga, isteriku tersayang NORYATI BT UNOS puteri-puteriku
AISYAH SOFEA, AMNI HUSNA & ALYA DAMIA
terima kasih atas doa dan dorongan yang diberikan, sesungguhnya kalian amat
bermakna buatku.*

Juga

*Pihak pengurusan dan warga PPD Kota Tinggi khususnya Kumpulan Pegawai
FasiLINUS yang bertimbang rasa, memahami keadaan dan memberi dorongan dan
semangat yang tidak putus-putus.*

*Penyelia yang dihormati Dr. Khadijah Bt. Daud yang sentiasa memantau
serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar dari masa ke semasa.*

Rakan-rakan kuliah yang banyak membantu.

*Terima kasih kerana telah memberiku semangat untuk meneruskan jihad
yang tiada penghujungnya.*

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini sehingga sempurna.

Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kajian saya iaitu Yang Dihormati, Dr. Khadijah Bt. Daud yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang ikhlas kepada saya dari awal sehinggalah kajian ini sempurna. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang telah berkongsi ilmu dan mencurahkan bakti di kelas Pesisir Bandar Penawar, Kota Tinggi ini.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pentadbir dan guru yang terlibat menjadi responden dalam kajian saya ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang telah bersama-sama berjaya mengharungi segala pengalaman pahit dan manis perjuangan ini. Segala kenangan bersama kalian akan kekal dalam ingatan.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya komunikasi Guru Besar dan tahap komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi. Kajian dibuat berdasarkan kepada enam gaya berkomunikasi iaitu gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak. Satu set soalan selidik yang mengandungi 37 item diedarkan kepada 210 orang guru daripada lapan buah sekolah di daerah Kota Tinggi sebagai sampel. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan kaedah Cronbach Alpha dimana keseluruhan nilai keseluruhan adalah 0.79. Data dianalisa dalam bentuk peratusan dan min dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 16.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya komunikasi dinamik paling banyak diamalkan dengan min yang diperolehi sebanyak 16.5 (tahap tinggi), sementara gaya komunikasi kawalan paling kurang diamalkan dengan min sebanyak 11.5 (tahap sederhana). Analisis juga dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara gaya komunikasi guru besar dan komitmen kerja guru. Antara cadangan yang dikemukakan oleh kajian ini ialah guru besar dan guru-guru perlu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan mengikuti beberapa kursus yang dianjurkan samada oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun Jabatan Pelajaran Negeri.

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify headmaster communication styles and the commitment teachers' in the district of Kota Tinggi schools. The study is based on six styles of communication style such as controls style, equalizer style, restructuring style, dynamic style, the relief style, and avoidance style. A set of questionnaire containing 37 items distributed to 210 teachers as sample from eight schools in the district of Kota Tinggi. Reliability of the questionnaire was tested using Cronbach Alpha method in which the total value of the whole is 0.79. Data were analyzed in percentage and mean software Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 16.0. The results showed that the most dynamic communication style practiced obtained mean of 16.5 (high level), while the least control of communication style practiced with a mean of 11.5 (medium level). Analyzes were also conducted to determine the relationship between communication styles of head teachers and teachers' commitment. Among the recommendations made by this study is that head teachers and teachers to enhance their communication skills by following a number of courses organized either by the Ministry of Education or the State Education Department

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii - x
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	12
	1.4 Objektif Kajian	13

1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Hipotesis Kajian	14
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Kerangka Kajian	16
	1.8.1 Kerangka Teori Kajian	17
	1.8.2 Kerangka Konsep Kajian	18
1.9	Batasan Kajian	21
1.10	Definisi Istilah	22
	1.10.1 Gaya Komunikasi	22
	1.10.2 Guru Besar	22
	1.10.3 Komitmen Kerja	22
	1.10.4 Guru	23
	1.10.5 Lokasi	23
1.11	Kesimpulan	23

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Komunikasi	24
	2.2.1 Konsep Komunikasi	25
	2.2.2 Model Komunikasi	25
	2.2.2.1 Model Komunikasi Sahnnon and Weaver	26
	2.2.2.2 Model Komunikasi Steward L Tubbs dan Sylvia Moss	27
	2.2.3 Kajian Lepas Berkaitan Gaya Komunikasi	30
	2.2.3.1 Kajian peringkat tempatan	30
	2.2.3.2 Kajian luar negara	32
	2.2.3.3 Kesimpulan	34
2.3	Komitmen	34
	2.3.1 Konsep Komitmen	34
	2.3.2 Komitmen kerja guru	36
	2.3.2.1 Model Komitmen Steers	37
	2.3.2.2 Model dan Teori Komitmen Mowday	39

	2.3.3	Kajian lepas mengenai komitmen	41
	2.4	Kajian lepas Gaya Komunikasi dan Komitmen	43
	2.5	Rumusan	44
BAB 3		METODOLOGI KAJIAN	
	3.1	Pengenalan	45
	3.2	Reka Bentuk Kajian	46
	3.3	Lokasi Kajian	48
	3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	49
	3.5	Instrumen Kajian	51
	3.5.1	Bahagian A (Latar Belakang Responden)	52
	3.5.2	Bahagian B (Gaya Komunikasi Guru Besar)	52
	3.5.3	Bahagian C (Komitmen Kerja Guru)	53
	3.6	Pengumpulan Data	54
	3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	55
	3.7.1	Kesahan Instrumen	55
	3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen	56
	3.8	Kajian Rintis	57
	3.9	Penganalisan Data	59
	3.10	Kesimpulan	62
BAB 4		ANALISIS DATA	
	4.1	Pengenalan	63
	4.2	Analisis Taburan Soal Selidik Kajian	64
	4.3	Latar Belakang Responden	65
	4.3.1	Lokasi sekolah	66
	4.3.2	Umur	66
	4.3.3	Jantina	67
	4.3.4	Tempoh Perkhidmatan	68
	4.4	Analisa Data Berdasarkan Persoalan Kajian	69

4.4.1	Analisis Persoalan Kajian 1	70
4.4.2	Analisis Persoalan Kajian 2	72
4.4.3	Analisis Persoalan Kajian 3	73
4.4.3	Analisis Persoalan Kajian 4	75
4.5	Kesimpulan	82
BAB 5	RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	83
5.2	Rumusan Kajian	84
5.3	Perbincangan dan Kesimpulan	86
5.3.1	Gaya Komunikasi Guru Besar	87
5.3.2	Komitmen Kerja Guru	89
5.3.3	Hubungan antara Gaya Komunikasi dengan Komitmen Kerja Guru	90
5.4	Implikasi dan Cadangan	91
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.6	Penutup	93
	RUJUKAN	94
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Lokasi Kajian	49
3.2	Taburan Populasi Kajian	50
3.3	Taburan Item Gaya Komunikasi Guru Besar	52
3.4	Taburan Item Komponen Komitmen Kerja Guru	53
3.5	Skala Jawapan Bahagian B dan Bahagian C	53
3.6	Peningkatan Kedudukan Item (Nilai Alpha)	56
3.7	Kebolehpercayaan Item berdasarkan Nilai Alpha Cronbach	58
3.8	Analisis Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach mengikut item soalselidik bagi kajian rintis	58
3.9	Kaedah Analisis Data Kajian	59
3.10	Nilai Penentuan Tahap	60
3.11	Jadual Interpretasi nilai korelasi	61
4.1	Analisis Taburan Pengagihan Soal Selidik Kajian	65
4.2	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	66
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	67
4.4	Taburan Responden Mengikut Jantina	68
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	69
4.6	Analisis Item Gaya Komunikasi Guru Besa	71
4.7	Panduan Menentukan Tahap	71
4.8	Komitmen kerja Guru Mengikut Min	72
4.9	Panduan Menentukan Tahap	73
4.10	Perbezaan gaya komunikasi guru besar sekolah kebangsaan daerah Kota Tinggi mengikut faktor lokasi sekolah	74
4.11	Korelasi Gaya Komunikasi Kawalan Guru Besar	76

	dengan komitmen kerja guru	
4.12	Korelasi Gaya Komunikasi Penyamaan Guru Besar dengan komitmen kerja guru	77
4.13	Korelasi Gaya Komunikasi Penstrukturan Guru Besar dengan komitmen kerja guru	78
4.14	Korelasi Gaya Komunikasi Dinamik Guru Besar dengan komitmen kerja guru	79
4.15	Korelasi Gaya Komunikasi Pelepasan Guru Besar dengan komitmen kerja guru	80
4.16	Korelasi Gaya Komunikasi Mengelak Guru Besar dengan komitmen kerja guru	81
4.17	Ringkasan Hipotesis Kajian	81

SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.2	Kerangka Konsep Kajian	20
2.1	Model Komunikasi Sahnnon and Weave	27
2.2	Teori Gaya Komunikasi Stewart L Tubbs dan Sylvia Moss	29
2.3	Model Komitmen Mowday	40
3.1	Proses reka bentuk kajian	47

SENARAI SINGKATAN

KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	: Pejabat Pelajaran Daerah
SPSS	: Statistical Package For Social Science

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Nilai Analisis Kajian Rintis
C	Analisis Kajian Sebenar
D	Surat Pengesahan Pelajar
E	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara sangat dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan oleh sektor pendidikan. Masa depan sesebuah negara juga sebenarnya dapat dijangka dan diukur pada hari ini dengan menilai proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku kepada generasi muda di dalam bilik darjah. Kejayaan sesebuah negara dalam persaingan ekonomi global amatlah bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh setiap rakyatnya. Oleh itu, sekiranya sesebuah negara itu mempunyai ramai rakyat yang berpendidikan tinggi, maka mereka akan lebih menikmati kemajuan ekonomi yang tinggi.

Selain daripada itu, pembinaan sebuah negara bangsa yang maju dan mantap serta berpadu juga dapat diasaskan melalui sistem pendidikan. Setiap warganegara dapat meningkatkan taraf hidup diri mereka, menjadi ahli masyarakat yang berjaya dan menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara melalui sumbangan sektor pendidikan. Menerusi interaksi antara individu daripada pelbagai latar belakang

sosioekonomi, agama dan kaum, mereka akan dapat belajar untuk memahami, menerima dan menghargai perbezaan, seterusnya membina perkongsian pengalaman dan aspirasi untuk masa depan negara Malaysia. Melalui perkongsian pengalaman dan aspirasi inilah identiti nasional dan perpaduan negara dapat dipupuk dan dimantapkan lagi.

Bidang komunikasi sangat penting dalam setiap organisasi kerana ia merupakan asas bagi menghasilkan kerjasama dan koordinasi yang tersusun di kalangan semua ahli. Mohd Yusof (2000) berpendapat bahawa komunikasi dalam organisasi adalah satu kuasa yang menghubungkan pemimpin dengan orang yang dipimpin supaya dapat menggerakkan tenaga dengan tersusun bagi mencapai objektif dan matlamat bersama. Sekolah ialah satu organisasi sosial yang meliputi satu kumpulan manusia yang menjalankan tugas secara berstruktur untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama. Sekolah memerlukan pengurusan yang benar-benar mantap dan berkesan bagi merealisasikan semua matlamat, objektif, visi dan misi yang telah ditetapkan.

Dalam menjalankan kerja-kerja pengurusan di sekolah, komunikasi merupakan satu alat, aktiviti, strategi dan proses yang sukar dipisahkan dengan kepemimpinan, membuat keputusan, struktur dan budaya organisasi (Abd Halim, 1994). Menurut Holt (1993), kecekapan dan kejayaan individu dan organisasi seluruhnya bergantung kepada komunikasi. Oleh itu, komunikasi merupakan nadi yang menghidupkan perjalanan sesebuah organisasi (Rogers 1969; Jaafar 2000). Kegagalan sesebuah organisasi diurus dengan baik adalah berpunca daripada kelemahan-kelemahan dalam pengurusan dan ini mungkin berpunca daripada kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam komunikasi (Jaafar, 2000).

Kemahiran yang perlu ada pada diri setiap pemimpin samada pemimpin negara, pemimpin masyarakat, mahupun pemimpin keluarga adalah kemahiran berkomunikasi. Pendapat ini disokong oleh Shahril (2001) yang menyatakan bahawa kepimpinan yang cemerlang mempunyai ciri-ciri kepimpinan berkualiti, berkemahiran dan berketrampilan, mempunyai wawasan dan kreatif serta inovatif, berkemahiran berkomunikasi dan bermotivasi, berkemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, mempunyai kecergasan fizikal, kestabilan emosi dan kecerdasan fikiran serta beriman dan bermoral.

Menurut Azmi b Hussain (2011) masalah yang timbul dalam sistem sekolah hari ini ialah kurangnya kerjasama antara Guru Besar dan guru yang menyebabkan timbulnya masalah kurang komitmen dan rasa tidak puas hati di kalangan guru. Sekiranya masalah ini berterusan, maka pelbagai program yang telah dirancang untuk mencapai matlamat sekolah tidak mungkin akan tercapai. Gregson (1991) telah mendapati bahawa hubungan komunikasi dengan kepuasan kerja adalah konsisten. Dalam isu ini, Guru Besar merupakan individu yang sentiasa berkomunikasi dan berpengaruh kepada guru bagi memastikan tahap komitmen mereka sentiasa dalam keadaan yang baik dan tinggi.

Kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah sering dikatakan mempunyai hubungan dengan tahap kepercayaan dan komitmen yang dimiliki oleh stafnya. Bagi Tyler & Kramer (1996) pula, kepercayaan yang tinggi dalam kalangan ahli-ahli organisasi boleh menggalakkan kerjasama dan mampu mewujudkan peranan tambahan dalam kalangan ahli-ahli organisasi iaitu ahli dalam organisasi akan berkhidmat melebihi daripada jangkaan. Pendapat ini telah disokong oleh Rajnandini et al. (2003) yang menyatakan bahawa kepercayaan pekerja adalah faktor penting untuk menentukan hubungkait antara kepimpinan dengan kepuasan kerja staf iaitu sebagai pemimpin organisasi, mereka perlu menggerakkan komitmen pengikut ke arah pencapaian cemerlang

Berdasarkan semua permasalahan di atas, kajian ini cuba untuk melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi guru besar dengan komitmen kerja guru di sekolah kebangsaan daerah Kota Tinggi.

1.2 Latar Belakang Masalah

Maklumat-maklumat yang diperolehi oleh Guru Besar tidak disampaikan dengan lengkap kepada guru pelaksana. Ini menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat dan seterusnya guru tidak dapat melaksanakan tugas dengan sempurna dan tepat kerana kekurangan maklumat. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pentadbir dalam pengurusan maklumat dan juga sistem komunikasi. Kebiasaannya pihak pentadbir sama ada guru besar ataupun guru penolong kanan yang menghadiri kursus, taklimat atau bengkel akan menyimpan maklumat tersebut tanpa disebarkan kepada seluruh warga sekolah. Perkara ini berlaku kerana terlalu banyak kursus yang terpaksa dihadiri oleh mereka, sehinggakan maklumat yang sepatutnya disampaikan kepada guru pelaksana tertanggung dan akhirnya menyebabkan guru berkenaan tidak melaksanakan tugas yang sepatutnya dilaksanakan oleh mereka. Kenyataan ini disokong oleh dapatan pihak Jemaah Nazir Persekutuan (2009) yang menyatakan bahawa kelemahan guru besar adalah dalam menyampaikan maklumat dan idea kepada guru dan juga dalam memberi bimbingan kepada guru dari segi profesionalisme mereka.

Guru Besar hanya berkomunikasi dengan guru tertentu sahaja. Kebiasaannya hal ini berlaku di sekolah yang mempunyai bilangan guru yang ramai..Oleh kerana kekangan masa, kekerapan Guru Besar bertemu dan berkomunikasi dengan guru dan staf di bawah pentadbirannya adalah rendah. Mereka hanya sempat bertemu dan berbincang berkenaan dengan isu ataupun perkara yang berkaitan dengan tugas harian sahaja. Guru Besar tidak sempat bertanya perkara yang diluar daripada bidang tugas mereka seperti hal keluarga. Situasi ini akan menjarakkan hubungan interpersonal antara mereka dan akhirnya menyukarkan proses komunikasi yang berkesan. Keadaan ini disokong oleh Chase dalam (Indera Syahril, 2012) yang menyatakan bahawa Guru Besar hanya berkomunikasi apabila ada perkara yang hendak disampaikan atau ada perkara yang perlu dilakukan oleh guru dan staf. .

Arahan-arahan kerja yang diberikan oleh Guru Besar kepada guru-guru kabur dan tidak jelas. Perkara ini seringkali menimbulkan pelbagai masalah ataupun konflik dalam kalangan guru di sekolah berkenaan kerana guru-guru mempunyai tahap

pemahaman yang berbeza berkaitan dengan tugas yang hendak dilaksanakan. Ini jelas menunjukkan bahawa arahan kerja yang hendak disampaikan oleh guru besar perlulah jelas dan lengkap agar guru-guru mendapat pemahaman yang sama dan sepakat dalam melaksanakan tugas yang telah diarahkan. Perkara ini mestilah diambil berat oleh guru besar kerana kelemahan gaya komunikasi guru besar boleh menjadi punca utama kepada perselisihan faham dalam organisasi pendidikan (Yusof Boon & Azizah b Gazali, 2010)

Guru Besar banyak melakukan komunikasi sehalu. Guru-guru tidak dapat menyampaikan idea dan pandangan mereka kerana tidak diberikan ruang dan peluang bagi menambahbaik pencapaian sekolah. Perkara ini disokong oleh kajian Chee Keat Bee (1998) yang mendapati bahawa guru-guru telah melaporkan ketidakpuasan hati mereka terhadap guru besar dalam aspek komunikasi. Sekiranya komunikasi tidak berlaku dengan lancar dalam situasi hubungan manusia, maka akibat yang tidak dingini akan berlaku (Muhd Mansur, 1998). Menurut Hussein (1993) pula, seseorang guru besar yang cekap dalam bidang pengurusan dan pengajaran tidak mungkin dapat mencapai matlamat sekolah sekiranya beliau tidak mempunyai kecekapan dalam bidang hubungan manusia dan komunikasi yang berkesan

Guru Besar tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Kemahiran komunikasi yang berkesan sangat penting bagi seorang guru besar kerana ia dapat menyampaikan mesej atau maklumat yang jelas dan tepat kepada guru dan seterusnya meningkatkan hubungan kemanusiaan antara mereka. Maklumat, arahan dan pesanan yang tepat hanya akan dapat disampaikan jika amalan komunikasi berkesan berjaya dilaksanakan oleh guru besar di sekolah. Kelemahan gaya komunikasi guru besar boleh menjadi punca utama kepada perselisihan faham dalam organisasi kerana kemungkinan idea atau mesej yang hendak disampaikan oleh guru besar tidak dapat difahami ataupun disalah tafsir oleh guru-guru yang akhirnya akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan guru-guru (Yusof Boon & Azizah b Gazali, 2010). Rahimah (2001) menegaskan bahawa berlakunya beberapa masalah di kalangan guru dan murid, sekolah dengan agensi luar seperti masyarakat adalah kerana komunikasi tidak jelas dan pendekatan yang digunakan oleh guru besar kurang sesuai, maka sudah pastilah guru besar perlu mempunyai gaya komunikasi yang berkesan.

Kebanyakan guru besar masa kini kurang berkomunikasi dengan guru-guru di sekolah mereka kerana merasakan kedudukan diri mereka akan dilihat rendah dan tidak disegani oleh guru-guru. Guru besar berpendapat guru-guru akan menyalahgunakan kemesraan atau hubungan mesra itu bagi membincangkan isu-isu yang dianggap rasmi di tempat-tempat yang kurang sesuai. Bagi membendung perkara ini daripada berlaku, maka golongan guru besar menghadkan kekerapan berkomunikasi dengan orang bawahannya. Perkara ini selari dengan Chase dalam Indera Syahril (2012) yang mendapati guru besar hanya berkomunikasi apabila ada perkara yang hendak disampaikan atau ada perkara yang perlu dilakukan oleh guru atau staf mereka.

Tahap pengetahuan guru besar terhadap kemahiran komunikasi perlu ditingkatkan lagi bagi membantu dan memudahkan tugas harian mereka. Ini bertepatan dengan .Abd Halim (1994) yang menyatakan bahawa komunikasi adalah aspek penting dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru besar. Guru besar yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam bidang komunikasi akan menghadapi banyak masalah terutamanya untuk mendapatkan kerjasama yang baik daripada warga sekolah dalam pelaksanaan aktiviti bagi mencapai visi sekolah. Menurut Shahril (2001), kepimpinan yang cemerlang mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti, berkemahiran dan berketrampilan, mempunyai wawasan dan kreatif serta inovatif, berkemahiran komunikasi dan bermotivasi, berkemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, mempunyai kecergasan fizikal, kestabilan emosi dan kecerdasan fikiran serta beriman dan bermoral.

Empat tugas paling utama bagi seorang guru besar iaitu memimpin, mengurus, menjalinkan hubungan luar dan menjalinkan hubungan manusia, (Jones 1998). Aspek yang diberikan penekanan ialah hubungan manusia. Guru Besar perlu mempunyai kemahiran kemanusiaan yang cekap kerana dalam melaksanakan tugas, Guru Besar sentiasa berhadapan dengan manusia. Pengurusan cekap melalui sistem komunikasi yang berkesan ini memberikan kepuasan kerja kepada guru-guru. Keadaan tersebut mewujudkan iklim kerja yang selesa dan menyeronokkan. Sebuah sekolah yang mengalami iklim positif atau negatif (Smith, 1995), menjelaskan bahawa sebuah sekolah yang iklim sekolahnya positif mempunyai ciri-ciri seperti suasana kerja yang positif dan

perhubungan sosial yang baik antara warga sekolah. Suasana yang demikian akan dapat meningkatkan kesetiaan dan komitmen guru-guru terhadap sekolah.

Kebanyakan guru besar selalu menggunakan komunikasi ke bawah sahaja. Menurut Hassan Awang (2001), komunikasi sehalu menjadi amalan kebanyakan guru besar yang menganggap komunikasi sehalu berkesan untuk menyampaikan mesej kepada subordinatnya, tetapi hakikat sebenar adalah sebaliknya. Menurut Mohd. Kassim (1999), dalam konteks organisasi sekolah, komunikasi antara guru besar dan guru sangat penting kerana sebagai pelaksana dasar guru besar perlu menyampaikan segala maklumat daripada pembuat dasar iaitu Kementerian Pelajaran kepada guru dengan jelas. Guru pula perlu berkomunikasi dengan guru besar untuk menyampaikan maklumbalas daripada dasar-dasar yang telah dilaksanakannya. Dalam hal ini, pentadbir berfungsi sebagai orang tengah yang memainkan peranan sangat penting kerana semua maklumat akan disampaikan daripada dan kepada mereka. Maka sudah tentulah guru besar perlu mempunyai gaya komunikasi yang berkesan dan sesuai dengan budaya sekolahnya agar beliau dapat memupuk budaya kerjasama yang mantap antara semua warga sekolah.

Guru Besar dianggap individu yang penting dalam proses perkembangan staf sekolah. Menurut Hussein (1993), dalam perkembangan staf, guru besar yang berfungsi sebagai fasilitator mesti mempunyai kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam komunikasi dua hala untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang tepat dan padat tentang kurikulum, mlsalnya, memberi maklumbalas mengenai pelaksanaan kurikulum di samping mengubahsuai dan mengadaptasikan keperluan-keperluan kurikulum. Guru besar harus menggalakkan guru berbincang dan mengenalpasti masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan sesebuah program atau aktiviti tersebut. Sebenarnya aspek komunikasi seringkali diabaikan oleh guru besar, kenyataan ini disokong oleh Ahmad Kamil (1992), yang mendapati proses komunikasi dianggap tidak begitu penting oleh guru besar. .

Kajian Shamsidar (1997) mendapati bahawa guru besar lebih banyak menggunakan komunikasi ke bawah. Kajian Lok Chung Hwa (1998) telah mendapati bahawa 69.1 peratus guru mempersepsikan bahawa guru besar sekolah mereka sebagai

mempunyai tahap komunikasi ke bawah yang tinggi. Jika bentuk komunikasi yang diamalkan hanya komunikasi sehalu iaitu dari pihak atasan ke bawah sahaja tanpa maklumbalas, organisasi itu tidak akan dapat berfungsi dengan berkesan (Leo, 1994). Komunikasi seperti ini akan menyebabkan guru besar tidak dapat mengetahui keperluan sebenar guru dan seterusnya menyekat ruang guru-guru berkreativiti kerana terpaksa patuh kepada arahan ketua. Masalah-masalah sebenar tidak akan diketahui dan sudah tentulah jalan penyelesaian tidak akan ditemui. Akhirnya murid-murid yang akan menjadi mangsa keadaan guru-guru yang dalam keadaan tidak stabil emosinya.

Siti Zarinah (2000) telah mendapati bahawa tahap amalan komunikasi ke atas oleh guru besar adalah rendah. Perkara ini telah menyebabkan guru-guru tidak berpeluang mengemukakan idea atau cadangan serta terlibat dalam membuat keputusan dalam perancangan kerja yang melibatkan mereka. Selain daripada itu, tiadanya keterbukaan komunikasi di antara guru dengan guru besar ini akan mengakibatkan mesej yang dihantar kepada guru besar menjadi tidak jelas. Mohd. Kassim (1999) berpendapat bahawa di dalam organisasi sekolah, masalah komunikasi sering terjadi antara warga sekolah dengan guru besar adalah berpunca daripada tindakan guru besar yang sentiasa menunjukkan kuasa. Malah guru akan cenderung untuk menyembunyikan maklumat-maklumat sebenar sesuatu perkara khususnya yang berkaitan dengan kegagalan..

Dalam sesebuah organisasi, komunikasi merupakan nadi utama (Rogers, 1976) dan melalui komunikasi juga individu di dalamnya dapat disatukan (Myers, 1964). Abd Halim (1994) menyatakan bahawa komunikasi adalah aspek penting dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru besar kerana beliau bertanggungjawab dalam memimpin dan mengurus pelajar, guru dan kakitangan. Kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesebuah sekolah itu bergantung secara langsung kepada kecekapan dan keberkesanan komunikasi. Secara umum tanpa pengurusan dan sistem komunikasi yang berkesan daripada seorang guru besar, sesebuah sekolah itu tidak mungkin akan dapat berfungsi dan segala aktiviti yang dirancang tentulah tidak akan dapat berlangsung dengan lancar dan teratur. Razali (1991) menyatakan kegagalan komunikasi akan menimbulkan banyak masalah yang akan menjejaskan kelancaran perjalanan sesebuah organisasi.

Kamaruddin (1989) yang menyatakan bahawa kegagalan komunikasi atau kurang berkomunikasi boleh menyebabkan syak wasangka, salah anggap dan curiga di kalangan guru dan kakitangan sekolah yang seterusnya akan menjurus kepada kemerosotan semangat warga sekolah keseluruhannya. Apabila perkara ini berlaku, sudah pasti kesannya akan dirasakan oleh semua pihak terlibat dengan pendidikan seperti pelajar, ibubapa, masyarakat dan negara. Apabila isu komunikasi ini dapat diatasi, maka akan lahirlah warga sekolah yang ceria dan bersemangat untuk berkhidmat dengan cemerlang. Pendapat ini disokong oleh (Smith, 1995) yang menyatakan bahawa pengurusan yang cekap melalui sistem komunikasi yang berkesan memberikan kepuasan kepada kerja guru-guru.

Bulach, Winston & Diana (1998) mendapati kesilapan yang sering dilakukan oleh Guru Besar ialah mempunyai kemahiran hubungan manusia yang lemah dan mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal yang rendah. Perkara ini sering berlaku di kalangan guru besar yang baru menjawat jawatan serta tiada pengalaman bekerja di sekolah rendah. Komunikasi interpersonal yang rendah bermaksud guru besar berkomunikasi hanya untuk perkara yang melibatkan kerja sahaja. Masalah ini mungkin berpunca daripada didikan keluarga sejak kecil lagi. Ahmad Atory (1986) yang mendapati bahawa komunikasi yang kurang cekap akan merendahkan semangat dan mengurangkan produktiviti. Ruch & Goodman (1983) pula telah menegaskan bahawa terdapat bukti yang mencadangkan bahawa persepsi pekerja terhadap pengurusan atasan dan aktiviti komunikasi mereka juga mempengaruhi komitmen kerja pekerja.

Guru pula merupakan aset utama dalam menjayakan apa jua program atau dasar Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun begitu terdapat juga segelintir guru yang tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka. Isu ini pernah menjadi hangat sehingga timbul pelbagai spekulasi seperti profesion perguruan merupakan pilihan terakhir dan pembayaran gaji yang tidak setimpal dan sebagainya. Walauapapun alasannya, jika seseorang itu telah melibatkan diri dengan dunia pendidikan ini, maka beliau mestilah dengan sedaya upaya berusaha bagi melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Berdasarkan pernyataan di atas, Pollard (1990) dan Mac Gaw et al (1992) berpendapat bahawa komitmen guru-guru di tempat kerja dan kebajikan murid-murid merupakan satu aspek penting yang dinilai bagi merealisasikan sekolah berkesan. Pada kebiasaannya komitmen guru terhadap kerja merupakan hasil daripada keseronokan dan kepuasan kerja di kalangan mereka. Sekiranya mereka tidak mendapat keseronokan dan kepuasan di tempat kerja mereka, maka komitmen kerja mereka juga akan berkurang.

Menurut Cross & Rise (2000) serta Hoffman et. al (1994) pula, hubungan yang saling mempercayai dan terbuka antara pemimpin sekolah dengan pengikut iaitu guru yang positif mampu mempertingkatkan motivasi guru serta kepercayaan yang tinggi serta komitmen guru terhadap tugas yang akan dilaksanakan. Dalam konteks ini, komunikasi pemimpin yang terbuka juga mampu menggalakkan perkongsian pemikiran dan idea yang dijangka dapat menaikkan lagi kepercayaan pengikut terhadap pemimpin sekolah (Bryk & Scheider, 2003).

Menurut Ninomiya (1990), guru-guru di Jepun mengharapkan pengaruh dari luar boleh dikurangkan supaya mereka dapat menumpukan lebih perhatian kepada tugas pengajaran di dalam bilik darjah masing-masing, sementara pada masa yang sama mereka juga mengharapkan pelbagai jenis tugas dan tanggungjawab yang digolongkan sebagai bukan jenis pengajaran dapat dihapuskan atau dikurangkan. Jelaslah di sini bahawa guru-guru sangat memerlukan budaya sekolah yang terarah kepada budaya ilmu atau maklumat daripada guru kepada murid dan bukannya diganggu oleh tugas lain yang membebankan. Situasi ini jika tidak diberi perhatian oleh guru besar atau pihak-pihak lain yang terbabit, sudah pastinya situasi ini akan mengganggu gugat proses guru terhadap pengajaran dan pastinya akan menjejaskan komitmen guru dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Selain daripada itu kajian-kajian mengenai penjawat awam di Malaysia seperti Osman et. al (1998) dan Syed Ikhsan dan Rowland (2004) mendapati prestasi penjawat awam yang rendah berpunca daripada kurangnya tahap komitmen dan ini telah membawa kepada perkhidmatan awam yang tidak berkualiti. Brown et al (2000) juga telah menjelaskan bahawa perkhidmatan yang tidak berkualiti dalam sektor awam dapat diatasi jika penjawat awam lebih cekap, memfokus kepada pelanggan, telus dan

mempunyai akauntabiliti yang tinggi. Firth, Moore dan Loquet (2004) pula mendapati komitmen pekerja dipengaruhi oleh tahap sokongan pihak pentadbiran sekolah.

Nelson (1994), turut menyatakan terdapat kajian yang telah menunjukkan bahawa komitmen yang tinggi wujud dalam kalangan para guru terhadap sekolah apabila mereka mendapat autonomi yang luas untuk menimba pengalaman di dalam bidang kepakaran masing-masing. Gutrie & Reed 1991; Hack and Brandon, 1995 pula menyatakan terdapat laporan yang menyatakan guru-guru mahukan kuasa membuat keputusan biarlah melalui domain profesional mereka sendiri dan mereka tidak berpuashati jika terdapat campur tangan pihak pentadbir dalam proses tersebut.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, jelas sekali komunikasi tidak dapat dipisahkan dengan organisasi. Ini kerana tugas-tugas pengurusan seperti pengarah, koordinasi dan kawalan memerlukan komunikasi. Dengan itu, organisasi haruslah mempunyai sistem komunikasi yang berkesan. Tanpa amalan komunikasi yang berkesan, ia akan menyebabkan perancangan sesebuah organisasi tidak dapat berjalan dengan lancar. Sementara itu organisasi pendidikan seperti sekolah yang diterajui oleh guru besar seharusnya menekankan aspek gaya komunikasi kerana perkara ini banyak mempengaruhi komitmen kerja guru-guru di sekolah. Jika guru besar tidak mengamalkan gaya komunikasi yang sesuai dengan situasi tertentu dan tidak memberikan peluang kepada guru terlibat dalam proses membuat keputusan, maka tahap komitmen guru akan berkurang dalam melaksanakan tugas mereka. Seterusnya, sudah pastilah prestasi kemajuan sekolah akan terganggu kerana jatuh atau bangunnya sesebuah sekolah itu banyak dipengaruhi oleh pemimpinnya. Justeru kajian ini dilaksanakan bagi memberikan tambahan kepada sudut pandang pihak pentadbiran sekolah khususnya guru besar untuk menilai semula polisi yang sedang mereka laksanakan sekarang.

1.3 Pernyataan Masalah

Kecemerlangan dan keberhasilan murid di sesebuah sekolah adalah tanggungjawab semua pihak. Walaupun begitu, peranan yang paling besar adalah terletak di bahu pentadbir sekolah iaitu guru besar yang dibantu semua guru. Tahap komitmen guru-guru di sesebuah sekolah adalah bergantung kepada gaya komunikasi guru besar mereka. Menurut Hussein (1993) dalam banyak hal, guru besar adalah orang yang paling berpengaruh dalam segala hal. Beliau bertanggungjawab atas segala aktiviti yang berlaku di sekolah. Melalui gaya komunikasi guru besar yang sesuai, maka akan wujudlah kestabilan iklim sekolah di mana kesefahaman di kalangan guru akan berlaku dan seterusnya memberikan impak yang cukup besar kepada keberhasilan murid.

Masalah yang timbul dalam sistem sekolah hari ini ialah kurangnya kerjasama antara pentadbir dan guru. Ini menyebabkan masalah kurang komitmen dan timbul rasa tidak puashati di kalangan guru terhadap pentadbir dan mengganggu kepuasan kerja guru. Keadaan ini juga disebabkan oleh kurangnya kekerapan berkomunikasi, ada jurang komunikasi, menggunakan komunikasi sehala, gaya komunikasi yang tidak baik, bentuk komunikasi yang tidak berkesan dan adanya halangan-halangan komunikasi. Lokasi sekolah juga ada memberikan kesan terhadap gaya komunikasi pentadbir.

Justeru itu, kajian ini berusaha untuk menjawab beberapa persoalan berkaitan gaya komunikasi guru besar mengikut lokasi sekolah dan hubungannya dengan komitmen kerja guru-guru. Antaranya ialah untuk mendapat jawapan apakah terdapat perbezaan gaya komunikasi yang diamalkan oleh guru besar mengikut lokasi iaitu di bandar dan di luar bandar. Kajian ini juga ingin melihat kekerapan penggunaan gaya komunikasi guru besar yang terdiri daripada gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak serta hubungannya dengan komitmen kerja guru di sekolah kebangsaan daerah Kota Tinggi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara khususnya ingin mencapai objektif-objektif yang berikut :

- 1.4.1 Mengenalpasti gaya komunikasi (gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak) yang kerap diamalkan oleh guru besar sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi
- 1.4.2 Mengenalpasti tahap komitmen kerja guru (komponen afektif, komponen berterusan dan komponen normatif) sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi
- 1.4.3 Mengenalpasti perbezaan antara gaya komunikasi, gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak) guru besar sekolah kebangsaan dengan lokasi (bandar dan luar bandar) di daerah Kota Tinggi
- 1.4.4 Mengenalpasti hubungan antara gaya komunikasi Guru Besar (gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak) dengan komitmen guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian, pengkaji akan mendapatkan jawapan berdasarkan beberapa persoalan berikut :

- 1.5.1 Apakah gaya komunikasi (gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak) yang kerap diamalkan oleh guru besar sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi?
- 1.5.2 Apakah tahap komitmen kerja guru (komponen afektif, komponen berterusan dan komponen normatif) sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan gaya komunikasi guru besar mengikut lokasi sekolah kebangsaan (bandar dan luar bandar) di daerah Kota Tinggi?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan antara gaya komunikasi Guru Besar (gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak) dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.

1.6 Hipotesis Kajian

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya komunikasi guru besar mengikut lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) di daerah Kota Tinggi

Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi kawalan guru besar dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.

- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi penyamaan guru besar dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi penstrukturan guru besar dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.
- Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi dinamik guru besar dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.
- Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi pelepasan guru besar dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.
- Ho7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya komunikasi mengelak guru besar dengan komitmen kerja guru sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat penting kerana ia dijalankan untuk melihat sejauhmana gaya komunikasi guru besar mempengaruhi komitmen guru-guru di sekolah kebangsaan. Pelbagai gaya komunikasi yang dilaksanakan di sekolah-sekolah telah mewujudkan budaya kerja yang berbeza di antara sebuah sekolah dengan sebuah sekolah yang lain. Pelbagai jenis gaya ini mungkin mengundang perbezaan tahap komitmen guru-guru

dalam melaksanakan tugas dan seterusnya mempengaruhi pencapaian keseluruhan sekolah.

Melalui kajian ini nanti, sekiranya ada berlaku kekurangan atau kelebihan dalam gaya komunikasi guru besar yang dapat dikesan, maka penambahbaikan dan pengukuhan kemahiran, pendekatan sedia ada mesti dilaksanakan oleh pihak pentadbiran sekolah untuk kebaikan bersama. Sekiranya pihak pentadbir khususnya guru besar menyedari kesilapan-kesilapan yang telah ataupun sedang dilakukan maka harapan pengkaji agar mereka segera mengubah gaya komunikasi dengan guru-guru agar matlamat atau sasaran sekolah mudah dicapai. Apabila kecemerlangan sekolah tercapai maka ia akan membantu merealisasikan matlamat bersama iaitu untuk menghasilkan modal insan iaitu murid yang berkualiti dan berketrampilan yang mampu menyumbang kepada kemajuan dan kecemerlangan negara.

Dengan itu, kajian ini dilihat penting kepada guru besar itu sendiri, pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Bagi pihak guru besar kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk mengamalkan pelbagai gaya komunikasi mengikut situasi-situasi tertentu, seterusnya akan memudahkan pencapaian matlamat bersama sekolah. Bagi pihak PPD dan JPN serta KPM pula, kajian ini perlu dilihat secara positif dan boleh dijadikan titik mula bagi merangka program-program khusus untuk memantapkan lagi pengurusan sekolah agar kecemerlangan sentiasa dikecapi oleh semua seterusnya dapat menghasilkan modal insan iaitu anak-anak murid yang sangat berguna kepada agama, bangsa dan negara.

1.8 Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini adalah terdiri daripada Kerangka Teori dan Kerangka Konsep.


1.8.1 Kerangka Teori Kajian

Kerangka kajian ini terdiri daripada dua teori iaitu Teori Gaya Komunikasi Stewart L Tubbs dan Sylvia Moss, 1974 dan Model Komitmen Mowday, 1982. Teori Gaya Komunikasi Stewart L Tubbs dan Sylvia Moss, 1974 terdiri daripada enam gaya komunikasi yang dilakukan oleh ketua organisasi iaitu gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak.

Teori gaya komunikasi ini dipilih oleh pengkaji kerana teori ini telah digunakan oleh ramai pengkaji sebelum ini seperti Indera Syahril dan lain-lain. Selain daripada itu, pengkaji mendapati kenam-enam gaya komunikasi daripada teori ini sering diamalkan oleh guru besar sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi.

Model Komitmen Mowday, 1982 pula mempunyai tiga dimensi komponen utama iaitu komponen afektif, komponen berterusan dan komponen normatif. Komponen afektif melihat kepada kepercayaan dan penerimaan guru terhadap nilai dan matlamat sekolah. Komponen berterusan pula melihat kepada kemahuan dan keinginan guru melaksanakan tugas sebagai tanggungjawab untuk kepentingan sekolah dan komponen terakhir iaitu komponen normatif yang melihat keinginan guru untuk terus berada dalam organisasi sekolah.

Teori ini dipilih oleh pengkaji kerana ianya sangat sesuai untuk melihat tahap komitmen kerja guru di sekolah kebangsaan. Model komitmen ini dapat melihat tahap komitmen yang tepat kerana dimensi yang jelas dan baik.



1.8.2 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian telah dibina berasaskan 2 teori yang telah dijelaskan di atas. Kerangka konsep dalam kajian ini terdiri daripada pembolehubah bebas yang mengandungi Teori Gaya Komunikasi Steward L Tubbs dan Sylvia Moss, 1974. Pembolehubah bebas dalam kajian ini terdiri daripada enam gaya komunikasi guru besar iaitu gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan, dan gaya mengelak.

Gaya komunikasi yang pertama ialah gaya kawalan yang bermaksud guru besar mengamalkan komunikasi sehalu. Beliau banyak mempengaruhi orang bawahannya agar mengikuti setiap arahan perintah dengan menggunakan sepenuhnya kuasa yang ada padanya tanpa memperdulikan pendapat atau pandangan orang bawahan mereka.

Gaya komunikasi yang kedua ialah gaya penyamaan yang bermaksud guru besar mengamalkan komunikasi dua hala dan mementingkan pesefahaman. Beliau banyak berkomunikasi secara terbuka dengan membenarkan ahli organisasi memberikan pandangan dan pendapat dalam suasana yang santai dan harmoni sebelum sesuatu keputusan atau tindakan

hendak dilaksanakan. Gaya komunikasi ini menghasilkan keputusan dan tindakan serta penyelesaian yang terbaik kepada sesuatu isu.

Seterusnya gaya komunikasi yang ketiga adalah gaya komunikasi penstrukturan. Bagi gaya komunikasi ini, guru besar tidak akan memihak kepada mana-mana pihak dan lebih banyak mengikuti prosedur atau peraturan yang telah ditetapkan seperti surat pekeliling iktisas (SPI). Guru besar lebih gemar berkomunikasi kepada perkara sekitar lingkungan kerja sahaja.

Gaya komunikasi yang seterusnya adalah gaya komunikasi dinamik dimana guru besar mengamalkan gaya agresif iaitu cepat bertindak. Semakin cepat sesuatu tindakan diambil dianggap terbaik. Guru besar lebih bertindak sebagai perangsang kepada guru-guru agar bertindak dengan cepat dan pantas bagi menyelesaikan sesuatu isu yang timbul.

Gaya komunikasi yang kelima iaitu gaya komunikasi pelepasan dimana guru besar lebih menerima pendapat orang lain dan gemar melepaskan tanggungjawab kepada orang lain tetapi dalam masa yang sama juga beliau menghargai pandangan orang lain.

Gaya komunikasi yang terakhir adalah gaya komunikasi mengelak dimana guru besar menghindari daripada berkomunikasi. Ini bermaksud guru besar tidak berminat untuk mendapatkan pandangan atau idea daripada orang lain. Beliau juga gemar untuk tidak dilibatkan dalam penyelesaian sesuatu isu.


Sementara itu pembolehubah bersandar dalam kajian ini terdiri daripada tiga komponen yang dinyatakan oleh Model Komitmen Mowday (1982) yang terdiri daripada komponen afektif, komponen berterusan dan komponen normatif.

Komitmen afektif bermaksud penerimaan ahli terhadap nilai-nilai dan matlamat organisasi. Di sekolah, guru boleh menerima nilai-nilai dan matlamat sekolah kerana sama dengan matlamat dan nilai yang dipegang oleh mereka.

Komitmen berterusan bermaksud kesediaan dan persiapan untuk berusaha bersungguh-sungguh atas nama organisasi. Di sekolah, guru sangat bersedia untuk berusaha sedaya upaya bagi memastikan nama sekolahnya sentiasa berada pada tahap tinggi dan menjadi contoh kepada sekolah lain.

Komitmen terakhir adalah komitmen normatif yang bermaksud keinginan ahli untuk mempertahankan keanggotaan di dalam organisasi iaitu menjadi sebahagian daripada organisasi.

Kerangka konsep kajian yang dilaksanakan dapat ditunjukkan dengan lebih jelas lagi melalui rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2 : Kerangka Konsep Kajian

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara berikut :

- 1.9.1 Kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru sekolah kebangsaan gred A yang hanya melibatkan 230 orang guru daripada 8 buah sekolah.
- 1.9.2 Guru besar yang terlibat hanyalah yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam bulan di sekolah berkenaan
- 1.9.3 Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang itemnya dibina daripada Model Gaya Komunikasi Steward L Tubbs dan Sylvia Moss (1974) dan Model Komitmen Mowday (1982)
- 1.9.4 Dapatan kajian ini hanya mewakili sebilangan guru yang berkhidmat di sekolah rendah di daerah Kota Tinggi, Johor dan keputusannya tidak dapat digeneralisasi kepada guru-guru yang berkhidmat di sekolah rendah, menengah dan di daerah serta negeri yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini sesuai dijalankan pada masa kini dan dapatan yang diperolehi mungkin sesuai digunakan untuk kajian pada masa yang akan datang.

1.10 Definisi Istilah

Berikut adalah merupakan definisi kepada istilah yang digunakan dalam kajian ini :

1.10.1 Gaya Komunikasi

Gaya komunikasi guru besar yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah hanya tertumpu kepada enam gaya komunikasi yang diamalkan oleh guru besar dimana responden bertugas. Enam gaya komunikasi tersebut adalah gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan dan gaya mengelak.

1.10.2 Guru Besar

Merujuk kepada Kamus Dewan (2008) Guru Besar didefinisikan sebagai orang yang mengetuai pentadbiran dan pengurusan sesebuah sekolah rendah. Guru Besar dalam kajian ini merujuk kepada pentadbir sekolah yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Beliau mestilah telah berkhidmat di sekolah tempat responden sekurang-kurangnya enam bulan.

1.10.3 Komitmen Kerja

Komitmen kerja bermaksud sikap beri penuh tenaga dan perhatian, tunjuk sokongan dan berazam sepenuhnya kepada sesuatu kerja. Perkara ini perlu ditunjukkan oleh seseorang guru melalui perlakuan serta sikap terhadap kerja. Dalam kajian ini, komitmen kerja guru melibatkan tiga komponen sahaja seperti yang dicadangkan oleh Mowday (1982) iaitu komponen afektif, komponen berterusan dan komponen normatif.

1.10.4 Guru

Guru bermaksud pendidik, pengajar dan pengasuh Kamus Dewan (2008). Guru dalam kajian ini ialah pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan untuk menjadi tenaga pengajar di sekolah rendah.

1.10.5 Lokasi

Lokasi bermaksud kawasan tumpuan Kamus Dewan (2008). Lokasi dalam kajian ini ialah tempat responden bertugas samada di kawasan bandar ataupun luar bandar. Kawasan ini adalah mengikut penetapan yang telah ditetapkan Majlis Daerah Kota Tinggi.

1.11 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah hubungan antara gaya komunikasi guru besar dengan komitmen kerja guru di sekolah kebangsaan dengan empat objektif utama serta empat persoalan kajian yang perlu diberikan jawapan. Sebanyak tujuh hipotesis telah dibentuk dengan batasan-batasan kajian telah dinyatakan. Enam gaya komunikasi guru besar yang dikaji adalah gaya kawalan, gaya penyamaan, gaya penstrukturan, gaya dinamik, gaya pelepasan dan gaya mengelak. Sementara itu tiga komponen komitmen kerja guru adalah komponen afektif, komponen berterusan dan komponen normatif.

RUJUKAN

Azizah bte Ghazali (2010) *Gaya Komunikasi guru besar dan hubungannya dengan Kepuasan bekerja guru di tiga buah sekolah daerah Johor Bahru* Projek Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim

Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor : PTS Publishing.

Ibrahim Mamat (2008). *Pengurusan Sumber Manusia Perspektif Modal Insan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indera Syahril b Ismail (2012). *Gaya Komunikasi Guru Besar sekolah rendah daerah Pasir Gudang*. Projek Ijazah Sarjana : Universiti Teknologi Malaysia.

Jaafar Muhammad (1998). "Asas Pengurusan." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Likert (1967). "The Human Organization : Its Management and Value." NY: McGraw Hill

Meyer, J., & Allen, N. (1997). *Commitment in the workplace*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.

Meyer, J., & Allen, N. (1991). A three-component conceptualization of organizational commitment. *Human Resource Management Review*, 1, : 61-89.

Meyer, J., & Allen, N. (1996). Affective, continuance and normative commitment to the organization: An examination of construct validity. *Journal of Vocational Behavior*, 49,252-276.

Mohd.Daud Tukiman (1998). “ Pengurusan Komunikasi Pengetua di Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat.” Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2010). *Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Noraini Hayati bt Ahmad (2008). *Gaya Komunikasi guru besar dengan Motivasi guru : Kajian di sekolah-sekolah kebangsaan zon Tangkak*. Projek Ijazah Sarjana.Universiti Teknologi Malaysia

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2015. Dimuat turun pada 24 April 2013, dari www.moe.gov.my/upload/galeri

Rozita bt Rahmat (2011). *Hubungan Antara Kepimpinan Instrultionak Guru Besar*

dengan tahap kepercayaan dan komitmen guru sekolah rendah. Projek Ijazah Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.

Saodah Wok Naeimah Ismail dan Mohd Yusof Hussain (2003). *Teori- teori komunikasi*.
Kuala Lumpur : PTS Publishing Sdn Bhd

Teo Soon Ching (1999). *Sistem Penilaian Prestasi Organisasi Berasaskan Pengetahuan*
Projek Ijazah sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.

UTM (2002). *Panduan Menulis Tesis Dan Salinan E-Thesis*. Skudai : Universiti
Teknologi Malaysia.

Wofford, J.C, Adwin, A.G. and Robert, C.C (1977).” *Organizational Communication.*”
New York: Mc Graw – Hill Book Company.

Yusof Boon (2012). *Asas Pengurusan Sumber Manusia*. Skudai : Universiti Teknologi
Malaysia.

Zaidatol Akmaliah Lope (1990). “ *Pentadbiran Pendidikan*” Kuala Lumpur: Penerbitan
Fajar Bakti Sdn.Bhd.